

# Aplikasi 'Asabiyyah Ibn Khaldun dan Mekanisme Pengukuhan Semangat Kekitaan dalam Mendidik Generasi Muda Multi Etnik Malaysia

**BITARA**Volume 3, Issue 4, 2020: 071-082  
© The Author(s) 2020  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [An Application of Ibn Khaldun's 'Asabiyyah and The Mechanism to Strengthen *Esprit de Corps* in Educating The Younger Generation of Multi-Ethnic Malaysia]

Siti Nor Azhani Mohd Tohar,<sup>1</sup> Ros Mahwati Ahmad Zakaria<sup>2</sup>  
& Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali<sup>1</sup>

### Abstrak

Ibn Khaldun dalam karangan terkemuka beliau, *Muqaddimah* menekankan asas penting kekuatan 'asabiyyah sebagai penentu kepada jatuh bangun sesebuah tamadun. Karakteristik 'asabiyyah ini berkonotasi positif dan tidak terhad sifatnya kepada semangat seketurunan sebaliknya dapat diadaptasi dalam senario masyarakat multi etnik. 'Asabiyyah Ibn Khaldun jauh berbeza dengan definisi *chauvinisme* yang sering disetarakan dengan maksud 'asabiyyah oleh pandangan umum. Makalah ini membincangkan mekanisme adaptasi 'asabiyyah Ibn Khaldun dan beberapa mekanisme lain bagi mendidik kekuatan semangat kekitaan dalam kalangan generasi muda multi etnik di Malaysia. Perbincangan ini adalah bersandarkan kepada kajian kepustakaan yang telah dilakukan ke atas bahan-bahan ilmiah yang berkaitan. Hasil penelitian mendapati bahawa wujud isu etnisiti yang menyebabkan kepincangan kekuatan semangat kekitaan dalam kalangan generasi muda. Terdapat mekanisme untuk memperkukuh semangat kekitaan antaranya peranan para penggubal dasar, peranan institusi pengajian tinggi, keprihatinan media massa, peranan institusi kekeluargaan dan peranan generasi muda itu sendiri. Pengadaptasian 'asabiyyah Ibn Khaldun dilihat penting dalam mendidik generasi muda pelbagai etnik memperkukuhkan semangat kekitaan melalui satu identiti sepunya yang dipegang bersama. Implikasinya, penglibatan semua pihak amat diperlukan bagi menggembelng mekanisme peneguhan semangat kekitaan bagi menangani isu kepincangan antara etnik agar kelangsungan tamadun Malaysia lebih terjamin dengan kepimpinan generasi muda.

### Kata kunci:

Identiti nasional; tamadun Malaysia; masyarakat pelbagai; isu etnik; peradaban..

### Abstract

Ibn Khaldun, in his magnum opus the *Muqaddimah*, emphasises the importance of 'asabiyyah as a foundation determining the rise and fall of a civilisation. 'Asabiyyah's characteristic here has positive connotations, not limited to a shared ancestry, and could in fact be applied to a multi-ethnic society as well. Ibn Khaldun's 'Asabiyyah is more than just the commonly-held attempt to equate it to the concept of chauvinism. This article discusses the mechanism to adapt Ibn Khaldun's 'asabiyyah and other mechanisms to educate the younger, multi-ethnic generation of Malaysia on the strength of an *esprit de corps* among them. This discussion relies on library research on relevant academic materials. The findings show that the ethnicity issue is a stumbling block to form a spirit of solidarity among the

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, Malaysia.

<sup>2</sup> Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

### Corresponding Author:

SITI NOR AZHANI MOHD TOHAR, Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
E-mail: [azhanitohar@usim.edu.my](mailto:azhanitohar@usim.edu.my)

younger generation. There are mechanisms in place to strengthen the esprit de corps among them, including efforts by policy makers, the institutions of higher learning, the role of the mass media, the family institution, and initiatives among the youths as well. The adaptation of Ibn Khaldun's 'Asabiyyah is important to educate this multi-ethnic younger generation to strengthen their spirit of solidarity through a shared identity. By implication, therefore, all parties must contribute to consolidate the mechanism to strengthen this esprit de corps to overcome the ethnic issue, thus ensuring the continuation of a more secure Malaysian civilisation, under the leadership of the younger generation.

**Keywords:**

National identity; Malaysia civilisation; diverse society; ethnic issues; civilisation.

**Cite This Article:**

Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Ros Mahwati Ahmad Zakaria & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali. 2020. Aplikasi 'Asabiyyah Ibn Khaldun dan Mekanisme Penguatan Semangat Kekitaan dalam Mendidik Generasi Muda Multi Etnik Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(4): 071-082.

## Pengenalan

Sarjana terkemuka Ibn Khaldun (1332-1406) dalam karangan terkemuka beliau, *Muqaddimah* begitu menekankan peranan kekuatan 'asabiyyah sebagai faktor penentu kepada jatuh bangun sesebuah tamadun yang berlaku secara kitaran. Ini kerana, 'asabiyyah merupakan asas utama dalam proses peningkatan nilai kemasyarakatan dan pembentukan negara (Indriaty Ismail, 2015). Definisi 'Asabiyyah Ibn Khaldun adalah sangat luas yang dapat memayungi terma patriotisme, nasionalisme, *esprit de corps* dan lain-lain terma yang menjurus kepada nasionaliti.

Apatah lagi dalam situasi Malaysia, satu semangat kekitaan yang kukuh yang dapat menyatukan masyarakat multi etnik merupakan tonggak kelangsungan dan kegemilangan tamadun negara. Semangat kekitaan berperanan penting dalam menyatupadukan masyarakat multi etnik dalam sesebuah negara kerana secara lumrahnya individu tidak dapat hidup dengan sendirinya tanpa sokongan ahli sosial yang lain. Mereka perlu bersatu dengan kuasa akal yang dianugerahkan Allah SWT untuk mengatasi kelemahan diri seterusnya menjadikan mereka kelompok masyarakat yang berdaya maju serta mencapai kesempurnaan intelek dalam memenuhi tuntutan asas kehidupan seperti air, makanan, pakaian, tempat tinggal dan perlindungan juga keselamatan dan tuntutan sampingan lain seperti kemewahan dan kemajuan.

Namun, menurut Ibn Khaldun, apabila sesebuah masyarakat telah mencapai gerak maju tamadun, mereka akan semakin mengabaikan semangat kekitaan kerana mereka tidak lagi perlu berjuang untuk memenuhi keperluan dan kehendak malahan mudah pula untuk memperolehnya. Tambahan pula, generasi muda akan mula menjauhkan diri daripada masyarakat yang berkongsi semangat kekitaan kerana beranggapan bahawa mereka adalah lebih baik daripada keturunan mereka. Ini kerana generasi muda telah menikmati kemakmuran hasil daripada titik peluh nenek moyang dan telah jauh daripada sejarah tentang bagaimana kemakmuran itu bermula dan apa yang menyebabkan kemakmuran tersebut terjadi (Ibn Khaldun, 2009 & Rosenthal, 1967; Alatas, 2014).

Justeru, mekanisme peneguhan semangat kekitaan perlu diketengahkan terutamanya dalam kalangan generasi muda yang telah jauh daripada sejarah kemerdekaan dan kegemilangan tanah air. Tambahan pula, senario masyarakat multi etnik di Malaysia memerlukan perkongsian semangat kekitaan yang jitu agar mengikat dan mengurangkan konflik hubungan antara kaum.

Justeru, senario kepincangan semangat kekitaan generasi muda perlu diselusuri dan mekanisme memperkukuhkan semangat kekitaan perlu dikenalpasti dan diketengahkan. Penglibatan semua pihak daripada sektor kerajaan sehingga ke masyarakat umum amat penting agar pelaksanaan mekanisme peneguhan semangat kekitaan ini berlaku demi memastikan kelangsungan tamadun Malaysia terus utuh dan kukuh melalui asas yang paling utama iaitu kekuatan semangat kekitaan sebagai bangsa Malaysia.

## Pernyataan Masalah

Tidak dinafikan Malaysia turut berdepan dengan sentimen antara etnik terutamanya dalam kalangan generasi muda. Perbezaan agama, budaya dan pemikiran dalam setiap kumpulan etnik sering dilihat sebagai satu halangan dan dijadikan cabaran dalam memupuk satu semangat kekitaan yang dipegang bersama. Hal ini timbul akibat daripada kurang kefahaman dan penerimaan terhadap agama dan budaya etnik lain serta yang paling penting adalah kurangnya penghayatan terhadap peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang menjadi alat penyatu dan undang-undang utama negara.

Maka, tidak hairanlah Malaysia telah berdepan dengan konflik-konflik semangat kekitaan terutamanya dalam isu agama, budaya serta isu-isu pendidikan. Antara konflik-konflik semangat kekitaan dalam isu-isu agama dan budaya yang pernah berlaku ialah isu 'rusuhan Low Yat', 'lambang salib diturunkan' 'hon ketika solat jumaat' (*Berita Harian*, 13 Julai 2015, 5 Mei 2017; *Utusan Online*, 9 Jun 2015). Kemudian, isu 'Namewee', 'Alvin Tan' dan 'Eric Paulsen' yang memaparkan kesepaduan kaum melalui semangat saling hormat-hormati yang terjelma daripada semangat sayang-menyayangi mulai goyah (*Berita Harian*, 18 Februari 2015, 23 Februari 2018, *Utusan Online*, 6 Februari 2015). Isu penghinaan terhadap Agong dan Sultan pula dilihat sebagai kelunturan semangat kesetiaan kepada Raja (*Berita Harian*, 3 Julai 2020, 10 Julai 2020, 23 Julai 2020). Ini menunjukkan bahawa generasi kini sudah mula luntur sifat dan semangat kesefahaman, bertolak ansur dan kerjasama antara kaum yang berbeza (Ahmad Sohaimi Lazim & Mohd Syariefudin Abdullah, 2011). Bagi isu pendidikan pula, pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC), tulisan jawi dan 'tuntutan-tuntutan Dong Zhong' antara isu hangat yang menjadi perdebatan di arus perdana (*Berita Harian*, 29 Oktober 2018, 2 Januari 2020, *Utusan Online*, 19 Januari 2016.).

Senario ini menggambarkan bahawa semangat kekitaan sebagai satu bangsa Malaysia yang didukung oleh kepelbagaian etnik yang berkongsi demografi dan citra budaya kebangsaan yang sama belum sepenuhnya diterima. Bukan sekadar itu, semangat kekitaan melalui keluhuran perlembagaan juga sering diperlekehkan walaupun ia merupakan satu set peraturan tertinggi negara yang harus dihayati dan mengikat warganya untuk bertindak selari dengan kewarganegaraannya. Perlembagaan Persekutuan Malaysia bukan sekadar satu dokumen perundangan malah ia merupakan kontrak sosial dan perjanjian perdamaian antara etnik yang ada di Malaysia (Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jones, 1992) dan ikatan kenegaraan yang dikanunkan di dalam perlembagaan merupakan tonggak-tonggak bangsa (A. Aziz Deraman, 2012).

Justeru, masyarakat perlu sedar tentang tujuan dan sejarah pembentukan Perlembagaan Persekutuan yang merupakan hasil tangan semangat bekerjasama dan toleransi antara etnik suatu ketika dahulu. Perlembagaan dibentuk rapi dengan mengandungi unsur-unsur penyatuan dan kesepaduan semangat kekitaan yang jitu supaya dapat menjadi garis panduan kepada kesepakatan rakyat Malaysia. Lantaran itu, Perlembagaan Persekutuan ialah sebuah dokumen yang tidak terpisah daripada sejarah, perkembangan dan tradisi negara (Nazri Muslim, Zaharah Hassan & Abdul Latif Samian, 2011).

Maka, makalah ini akan membincangkan mekanisme pemupukan semangat kekitaan yang dapat mendidik generasi muda kita tentang peri pentingnya toleransi dalam kesepaduan

antara kaum di Malaysia. Makalah ini turut mengetengahkan inti pati '*asabiyyah* Ibn Khaldun sebagai mekanisme mendidik generasi muda dalam memperkukuhkan semangat kekitaan kebangsaan lebih daripada semangat kekitaan seketurunan. Perbincangan ini melibatkan kajian kepustakaan yang menganalisis bahan-bahan ilmiah berkaitan termasuk kitab Muqaddimah Ibn Khaldun dengan skop perbincangan '*asabiyyah*.

## Mekanisme Pemupukan Semangat Kekitaan

Kelompangan semangat kekitaan generasi muda masa kini perlu ditangani dengan serius melalui mekanisme yang dikenal pasti dapat menjadi agenda kepada peneguhan semangat kekitaan masyarakat multi etnik di Malaysia. Pengaplikasian inti pati '*asabiyyah* Ibn Khaldun amat bertepatan dalam menyatukan masyarakat multi etnik dalam payung kekitaan yang lebih besar, iaitu nasionaliti. Terdapat juga mekanisme penting yang lain untuk mendidik generasi muda ini bersatu dalam payung identiti kebangsaan, iaitu peranan para penggubal dasar, peranan institusi pengajian tinggi, keprihatinan media massa, peranan institusi kekeluargaan dan peranan generasi muda sendiri.

## Pengaplikasian Semangat Kekitaan ('*Asabiyyah*) Ibn Khaldun

Intipati '*asabiyyah* yang diutarakan oleh Ibn Khaldun tidak mudah untuk diterjemahkan dan didefinisikan dalam bahasa lain (Dhaouadi, 1990) kerana Ibn Khaldun lebih merujuk '*asabiyyah* sebagai ikatan melalui pertalian darah (Alatas, 2013). Namun al-Jabri telah meluaskan lagi definisi ini dengan menyatakan tentang ikatan pertalian darah yang turut dikongsi oleh mereka yang bukan dari pertalian darah tersebut (Dhaouadi, 1997) dan peranan '*asabiyyah* sebagai mekanisme pertahanan bagi kaum Arab Badwi atau kepentingan mereka (Dhaouadi, 1990). Menurut Muhsin Mahdi (1957), semangat kekitaan yang dibincangkan oleh Ibn Khaldun terbentuk hasil daripada keturunan yang sama tetapi kebiasaannya ia diteruskan dengan faktor luaran, iaitu perasaan saling berkait dalam memenuhi keperluan untuk bekerjasama dan mempertahankan diri. Ini kerana, selain keturunan yang sama, minat yang sama dan pengalaman hidup bersama turut mendorong satu sama lain untuk membentuk perasaan kekitaan.

Justeru, terdapat dua lagi bentuk semangat kekitaan yang berlainan daripada pertalian darah sebagaimana Dhaouadi (1997) menjelaskan bahawa Ibn Khaldun telah membicarakan ikatan sosial yang bermula daripada konsep 'pertalian sesama Muslim' (*Muslim brotherhood*) kepada modifikasi ikatan yang baru, iaitu masyarakat multi etnik. Dua bentuk semangat kekitaan ini ialah, i) individu yang menerima dan mengamalkan '*asabiyyah* kaum tempat menetapnya yang baru setelah meninggalkan kaum asalnya (*clientship*), ii) hubungan yang didasari hubungan hamba abdi dan hubungan untuk mendapatkan perlindungan (*alliance*) (Alatas, 2013; Dhaouadi, 1990 & 1997; Zainab al-Khudhairi, 1979). '*Asabiyyah* tidak wujud semata-mata disebabkan oleh pertalian darah tetapi turut disebabkan oleh tempoh kepanjangan waktu bersama dan perkongsian pengalaman sesama ahli masyarakat (Alatas, 2013).

Perbincangan mengenai modifikasi baru masyarakat multi etnik ini berkait rapat dengan perbincangan Ibn Khaldun mengenai matlamat semangat kekitaan ialah kedaulatan (Enan, 2012; Ibn Khaldun, 2009; Rosenthal, 1967). Ini kerana secara semula jadi, ikatan semangat kekitaan memerlukan seseorang pemimpin yang mendapat kedaulatan bagi memainkan peranan memberikan perlindungan, mencegah dan meredakan perbalahan dalam menjaga ahli-ahli yang berkongsi semangat kekitaan dan menjadi perantara bagi organisasinya.

Oleh yang demikian, seseorang pemimpin akan berusaha memperoleh semangat kekitaan daripada golongan yang tidak ada hubungan semangat kekitaan dengannya bagi memperkukuhkan kedaulatannya. Justeru, semangat kekitaan yang lebih kuat daripada

semangat kekitaan yang pelbagai telah wujud untuk disatukan dan menjadikan mereka dapat mematuhi. Perasaan kekitaan yang pelbagai itu seolah-olah menjadi satu perasaan kekitaan yang lebih besar bagi mengelakkan perpecahan yang dapat menjurus kepada penentangan dan persengketaan. Semangat-semangat kekitaan ini akan bercampur baur dengan akrabnya dan semangat kekitaan yang kalah akan menjadi patuh dan menyumbangkan sesuatu kekuatan tambahan kepada yang menang dengan memperkukuhkan kedaulatannya (Ibn Khaldun, 2009, Rosenthal, 1967).

Sehubungan itu, sesebuah tamadun yang terdiri daripada masyarakat multi etnik tidak mungkin bersatu kecuali dengan satu mekanisme iaitu perkongsian satu semangat kekitaan, iaitu melalui ciri sepunya serta tujuan dan matlamat yang sama. Apabila rasa persaudaraan itu sudah terlihat dengan jelas, ia akan membangkitkan sesuatu dalam diri insan itu perpaduan yang semula jadinya (Ibn Khaldun, 2009; Rosenthal, 1967).

Maka, ciri-ciri semangat kekitaan Ibn Khaldun, iaitu ketaatan dan kesetiaan, perasaan saling sayang-menyayangi sesama ahli dalam sesebuah kelompok yang membawa kepada perlakuan tolong-menolong, bekerjasama, hormat-menghormati, saling mengamalkan hidup sederhana, patuh kepada norma dan pemimpin, berani menegakkan kebenaran sehingga sanggup berkorban demi mempertahankan ahli kelompok serta negara dan berani menegakkan tuntutan untuk kepentingan bersama; dapat mengatasi sifat-sifat mementingkan diri dan individualistik (Ibn Khaldun, 2009; Rosenthal, 1967), turut dapat diaplikasikan ke dalam senario heterogen masyarakat moden kini yang lebih bersifat multi etnik. Sebagaimana Al-Roubaie (2009) menyebut bahawa masyarakat moden kini bersifat heterogen, iaitu mempunyai kepelbagaian etnik, agama dan budaya dalam sesebuah masyarakat atau negara tidak terkecuali untuk mengaplikasikan ciri-ciri semangat kekitaan yang dibincangkan oleh Ibn Khaldun.

Masyarakat multi etnik bukanlah kekangan untuk kita membina satu semangat kekitaan yang mempunyai nilai, ciri dan tujuan yang sama. Perlembagaan dan citra Rukun Negara dapat dipegang bersama sebagai ikatan perpaduan membina keteguhan semangat kekitaan bangsa Malaysia. Keluhuran kepada perlembagaan dan ikrar Rukun Negara dapat mengikat dan mengurangkan jurang konflik antara kaum.

Oleh yang demikian, ciri-ciri semangat kekitaan seperti saling sayang-menyayangi, kesetiaan, keberanian dan kepatuhan kepada undang-undang dan Negara amat perlu digalakkan dan disebarluaskan kepada seluruh warga Malaysia berbilang kaum agar semangat kekitaan yang terbentuk bukan hanya menjurus kepada etnik masing-masing tetapi wujudnya penerimaan dan toleransi terhadap etnik lain. Semangat kekitaan sebagai warga Malaysia perlu kepada satu nilai, ciri dan tujuan yang sama, iaitu untuk membangunkan seterusnya memajukan tamadun Malaysia dengan meminggirkan sikap etnosentrik yang hanya mementingkan kumpulan etnik semata-mata. Justeru, tamadun yang dibina atas dasar kekuatan semangat kekitaan ialah tamadun yang dapat bertahan dan seterusnya mencapai kegemilangan.

## **Peranan Para Penggubal Dasar**

Para penggubal dasar merupakan agen utama yang menentukan senario yang berlaku dalam masyarakat Malaysia dan hala tuju negara melalui pelaksanaan dasar-dasar yang dijalankan. Ini kerana, masyarakat Malaysia sebenarnya lebih dinamik dan dapat berubah mengikut acuan dasar-dasar yang dilaksanakan (Nik Safiah, 2013, 19 September). Keazaman dan ketekalan berlandaskan semangat kebangsaan oleh para penggubal dasar melalui usaha kerajaan perlu terus teguh dan kukuh dalam memastikan kelangsungan semangat kekitaan generasi muda selari dengan hasrat Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Amat penting bagi pemilihan para penggubal dasar ini perlu disaring dengan teliti agar corak kepimpinan mereka bukan disebabkan oleh kepentingan peribadi sebaliknya disebabkan oleh satu semangat untuk memajukan negara dalam memberi kemakmuran kepada seluruh

rakyat sebagaimana semangat nasionalisme yang pernah wujud dalam kalangan pemimpin terdahulu untuk memerdekakan Tanah Melayu dan semasa di awal era kemerdekaan.

Oleh itu, indeks pengukuran semangat kekitaan perlu dibentuk oleh parti-parti politik atau pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) supaya masyarakat dapat menilai kepimpinan calon-calon pemimpin yang mewakili parti politik sebelum sebarang pilihan raya dijalankan. Indeks pengukuran ini dapat dilaksanakan dengan menyediakan borang soal selidik di laman web atau pengedaran secara bertulis kepada masyarakat pengundi untuk menilai semangat kekitaan yang dimiliki calon pemimpin yang diingini dan jawapan kepada indeks pengukuran semangat kekitaan calon tersebut dapat diketahui sejurus selepas menjawab borang soal selidik tersebut. Impaknya, bakal pemimpin yang menerajui negara dapat dipilih melalui penilaian masyarakat terhadap calon melalui standard semangat kekitaan yang diingini negara dan sebagai usaha untuk membuka mata masyarakat untuk tidak memilih calon hanya semata-mata berdasarkan kepada manifesto yang dibawa oleh calon pemimpin tersebut.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) disarankan untuk menggalakkan kolaborasi antara sekolah kebangsaan dengan sekolah jenis kebangsaan yang berada dalam satu daerah atau kawasan yang sama untuk mengadakan aktiviti-aktiviti seperti hari keusahawanan dan hari sukan secara bersama. Kolaborasi ini untuk menggalakkan kerjasama antara etnik sama ada di peringkat kerjasama guru dan juga dalam kalangan pelajar. Kerjasama antara etnik penting untuk dijalinan sedari peringkat sekolah lagi agar pelajar lebih terdedah untuk berkomunikasi antara etnik seterusnya menggalakkan semangat setia kawan, saling memahami yang dapat memupuk semangat kekitaan antara etnik. KPM perlu menyediakan insentif kewangan kepada sekolah yang ingin turut serta dalam kolaborasi ini. Sekiranya sambutan kurang menggalakkan, maka, KPM perlu memainkan peranan dengan mewajibkan kolaborasi ini ke atas semua sekolah sebagai aktiviti tahunan mereka.

Selain itu, KPM perlu menggalakkan pihak sekolah termasuk sekolah jenis kebangsaan untuk mengadakan 'Hari Memperingati Sejarah' sepertimana wujudnya 'Hari Bahasa Inggeris' di kebanyakan sekolah. Aktiviti yang dapat dijalankan pada hari tersebut antaranya, guru-guru menceritakan sejarah tanah air semasa berucap di perhimpunan, menyebarkan risalah, menayangkan video, mengadakan kuiz sejarah atau pertandingan bercerita mengenai sejarah tanah air. Justeru, semangat kekitaan melalui penghayatan sejarah ini akan terbentuk dengan lebih kukuh dalam kalangan generasi muda.

Selain sektor pendidikan yang dapat dijadikan wadah utama penerapan semangat kebangsaan, Program Latihan Khidmat Negara juga merupakan wadah penting dalam memupuk semangat kekitaan dalam kalangan generasi muda. Selari dengan objektifnya untuk meningkatkan semangat patriotisme, memupuk integrasi nasional, membentuk perwatakan positif, menyemarakkan semangat kesukarelaan dan melahirkan generasi muda yang cergas, cerdas dan berkeyakinan diri (<http://www.khidmatnegara.gov.my/>), program ini wajar diteruskan dan dipergiat. Pengkaji turut menyarankan agar penambahbaikan pada sukatan modul latihan yang ditawarkan perlu dibuat terutamanya penekanan kepada elemen penghayatan sejarah tanah air dan menanam keyakinan terhadap bahasa kebangsaan sebagai bahasa pemersatuan dan bahasa kemajuan negara. Nama modul latihan yang ditawarkan juga seharusnya menggunakan bahasa kebangsaan dan bukannya menggunakan bahasa Inggeris seperti modul *Fit4life*, *Service Learning*, *I-Upgrade*, *Be Safe Be Alert*, *Tech + Talk* dan *MyFuture*. Manakala hanya terdapat dua sahaja modul latihan yang menggunakan bahasa kebangsaan, iaitu modul Malaysiaku dan Kerohanian (<http://www.khidmatnegara.gov.my/>). Penggunaan bahasa Inggeris yang berleluasa ini menampakkan ketidakselarasan dengan objektif PLKN yang ingin meningkatkan semangat patriotisme dan pemupukan integrasi nasional yang seharusnya didasarkan dengan elemen kebangsaan terutamanya peruntukan yang telah termaktub di dalam perlembagaan negara.

## **Peranan Institusi Pengajian Tinggi**

Pengukuhan semangat kekitaan seharusnya tidak hanya tertumpu di sektor pendidikan sekolah sahaja, malahan sektor pengajian tinggi terutamanya Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) turut berperanan penting dalam melaksanakan dasar serta aktiviti yang menggalakkan rasa kesatuan antara etnik. Ini kerana mahasiswa IPTA dipercayai bakal mencorakkan masa depan negara memandangkan mereka adalah golongan cerdik pandai yang akan mengisi kekosongan jawatan sebagai penggubal dasar sama ada di peringkat kerajaan mahupun swasta. Justeru, IPTA perlu melaksanakan agenda kebangsaan dalam membentuk dan memperkukuhkan jati diri mahasiswa di institusi masing-masing.

Para pensyarah dari kesemua bidang tidak kira sama ada bidang sains atau sains sosial perlu menggalakkan pelajar mereka untuk membuat tugas berkumpulan yang mempunyai kepelbagaian etnik. Ini akan menggalakkan mereka berinteraksi bersama dengan lebih baik dan dapat duduk semeja dengan rakan daripada etnik yang berlainan.

Pihak pengurusan IPTA juga perlu mewajibkan setiap fakulti menjalankan ‘minggu bahasa kebangsaan’ dengan pelaksanaannya tertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Melayu di dalam kuliah, termasuklah pengajaran dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi maklumat. Ini memandangkan kebanyakan IPTA telah mewajibkan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris termasuk bidang sains sosial, maka keperluan untuk menerapkan kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan perlu bagi mengimbangi pemerksaan bahasa Inggeris yang telah dilaksanakan. Keazaman pihak IPTA adalah amat diperlukan dalam memartabatkan bahasa kebangsaan ini kerana dasar bahasa yang dijalankan seringkali menjadi kekeliruan kepada para pensyarah terutamanya kepada golongan pensyarah yang masih mempunyai keinginan untuk memupuk dan mengukuhkan semangat kekitaan kebangsaan.

Selain itu, para pensyarah terutamanya dari bidang sains, kejuruteraan dan teknologi maklumat perlu mempunyai keazaman untuk memperkukuh semangat kebangsaan melalui pemartabatan bahasa kebangsaan dengan mengadakan kolaborasi bersama Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) untuk membentuk istilah-istilah saintifik dalam bahasa Melayu mengikut kerangka kefahaman masyarakat Malaysia. Ini sebagai usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa mandala ilmu tinggi yang beridentitikan bangsa Malaysia. Negara maju seperti Jepun, United Kingdom, Perancis dan Korea telah menjadikan kegiatan terjemahan buku sebagai aktiviti asas dan utama dengan menterjemah bahan ilmiah sarjana tersohor ke bahasa ibunda mereka, kemudian sarjana mereka mengulas, mengkritik, menokok tambah, dan membangunkan pemikiran baru ke atas pemikiran awal sarjana tersohor asing tadi (Mohd Yusof, 2016). Dengan cara begini, sarjana tempatan lebih kreatif dan berinovasi untuk menghasilkan karya sains dan teknologi dalam acuan bangsa mereka sendiri agar tiada rakyat yang ketinggalan atau rasa terpinggir dengan kemajuan yang dikecapi negara.

Audit Bahasa Melayu di IPTA yang dijalankan oleh Dewan Bahasa & Pustaka (DBP) adalah satu usaha yang perlu dibanggakan sebagai salah satu langkah memartabatkan bahasa kebangsaan dalam sektor pengajian tinggi. Namun, usaha ini perlu dilaksanakan dengan tegas agar pelaksanaannya bukan sekadar memperlihatkan kesungguhan di pihak DBP sahaja sebaliknya pihak IPTA perlu menyahut usaha ini sebagai simbol sebuah institusi awam yang berasaskan semangat kekitaan kebangsaan.

## **Keprihatinan Media Massa**

Media massa juga turut memainkan peranan penting dalam penerapan nilai kebangsaan bagi memperkukuhkan semangat kekitaan rakyat Malaysia terutamanya generasi muda yang lebih cenderung terpengaruh dengan media elektronik. Penerbit rancangan televisyen perlu

menerapkan unsur identiti Malaysia di dalam rancangan televisyen yang dikelolakan agar penonton secara tidak langsung dapat menerapkan semangat kekitaan melalui penonjolan elemen kebangsaan yang ditayangkan di televisyen. Drama yang ditayangkan perlu berorientasikan Malaysia seperti menonjolkan produk Malaysia, antaranya menggunakan kenderaan buatan Malaysia, masakan pelbagai etnik dan tempat pelancongan bagi menerapkan perasaan bangga rakyat terhadap pencapaian negara.

Korea misalnya, yang diakui rakyatnya mempunyai jati diri yang kuat terhadap negara mereka, sering memaparkan drama dengan menggunakan kenderaan buatan negara mereka sendiri seperti Hyundai, Kia dan Ssang Yong di dalam slot yang ditayangkan. Malahan, drama Korea seringkali menonjolkan keunikan makanan dan tempat pelancongan mereka sendiri berbanding untuk membuat penggambaran drama dan filem di negara lain.

Berbeza dengan drama yang ditayangkan di Malaysia lebih menonjolkan kereta buatan luar negara, apatah lagi apabila slot drama tersebut mempamerkan kemewahan hidup di bandar. Trend terkini pula dilihat lebih memaparkan penggambaran drama yang dijalankan di luar negara dan menonjolkan kebudayaan negara lain. Penayangan drama sebegini tidak berperanan dalam menimbulkan perasaan bangga terhadap negara sebaliknya lebih mengagumi negara lain, justeru tidak dapat menyumbang kepada pengukuhan semangat kekitaan sebagai rakyat Malaysia.

Namun, tidak dinafikan terdapat juga filem yang menerapkan unsur kebangsaan seperti filem *'Embun'* pada tahun 2002, *'1957: Hati Malaya'* pada tahun 2007, *'Tanda Putera'* pada tahun 2013 dan terbaru pada tahun 2016, *'Ola Bola'* ditayangkan di pawagam. Sekiranya dilihat daripada jarak waktu, filem-filem sebegini mempunyai selang masa yang agak panjang untuk menayangkan filem seumpamanya yang baharu, iaitu jarak antara 3-5 tahun sekali. Ini kerana keghairahan karyawan filem untuk memperoleh pulangan yang lumayan sehingga mengetepikan soal penerapan kebudayaan kebangsaan di dalam filem mereka (Rosini Jonit, 2007). Justeru, pihak karyawan filem juga perlu bekerjasama dengan pihak kerajaan untuk memperbanyakkan lagi filem bercorak kebangsaan agar nilai semangat kekitaan berasaskan kebudayaan Malaysia dapat diterapkan ke dalam hati generasi muda.

## Peranan Institusi Kekeluargaan

Setiap individu perlu menyedari peri penting semangat kekitaan sebagai seorang warganegara Malaysia yang hidup dalam suasana masyarakat multi etnik. Setiap individu perlu memantapkan semangat kekitaan melalui identiti sepunya yang menjadi mekanisme pemacu perpaduan antara etnik seterusnya memastikan ketekalan tamadun Malaysia.

Ibu bapa perlu menyedari bahawa institusi kekeluargaan ialah institusi yang amat penting dan terawal yang dapat memupuk semangat kekitaan dalam kalangan anak-anak mereka. Selari dengan sifat stereotaip yang diturunkan dari generasi ke generasi, maka institusi kekeluargaan merupakan medium asas dalam penyebaran stereotaip ini dalam kalangan kanak-kanak. Justeru, ibu bapa dan ahli keluarga perlu mengikis sikap stereotaip dengan bersedia untuk menerima dan bertoleransi dengan etnik lain dalam pelbagai aktiviti harian mereka. Penglibatan dalam aktiviti kejiwaan contohnya, dapat membina interaksi seterusnya saling kenal-mengenal, bantu-membantu, berganding bahu menyelesaikan masalah setempat dan akhirnya dapat memupuk kasih dan sayang yang merupakan asas semangat kekitaan. Apabila semangat kekitaan dalam komuniti kejiwaan terbentuk, maka ia lebih memudahkan lagi pemupukan semangat kekitaan sebagai satu bangsa Malaysia. Maka, secara tidak langsung, sikap ibu bapa ini dapat mempengaruhi keperibadian anak-anak untuk tidak kekok bergaul dengan etnik lain. Aktiviti-aktiviti sebegini dapat memupuk semangat kekitaan sebagai bangsa Malaysia yang menolak pemikiran stereotaip dan sentimen perkauman. Impaknya, generasi muda ini tidak mudah terpengaruh dengan polemik perkauman dan isu yang



mempropagandakan Perlembagaan Persekutuan Malaysia oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

## Peranan Generasi Muda

Generasi muda sendiri merupakan golongan yang berperanan penting dalam memastikan kekuatan semangat kekitaan dengan memiliki nilai sepunya kebangsaan untuk terus dipelihara sehingga generasi akan datang. Generasi muda perlu melibatkan diri dengan aktiviti kemasyarakatan, sukarelawan dan persatuan belia atau kesukanan yang mempunyai penglibatan pelbagai etnik bagi menggalakkan persefahaman seterusnya mengeratkan lagi hubungan antara etnik.

Badan bukan kerajaan dan parti politik yang melibatkan generasi muda seperti persatuan mahasiswa IPT, Majlis Belia Malaysia (MBM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA), IM4U, Kelab Rakan Muda, Pemuda UMNO, Puteri UMNO, Pemuda PAS, MIC, MCA, DAP dan lain-lain parti politik atau persatuan perlu mengadakan perbincangan bersama Persatuan Sejarah Malaysia, Institut Sosial Negara, DBP, GAPENA atau Persatuan Linguistik Malaysia dalam memperluas pemahaman dan penghayatan mereka terhadap semangat cintakan Negara melalui sejarah dan pemartabatan bahasa kebangsaan serta terlibat dalam usaha menangani isu semasa yang melibatkan soal kenegaraan. Ini kerana diyakini sekiranya golongan muda ini sendiri yang terlibat dalam menyelesaikan isu yang berkaitan dengan masalah generasi muda, maka, usaha kepada penyelesaian tersebut berkemungkinan lebih praktikal kerana mengambil kira pandangan daripada kerangka pemikiran generasi muda sendiri.

Persatuan yang mempunyai penglibatan generasi muda ini juga seharusnya sering mengadakan aktiviti seperti sukarelawan, motivasi dan kem perkhemahan yang dapat menerapkan semangat kekitaan dalam kalangan ahli dan menggalakkan penglibatan generasi muda multietnik yang lain. Di samping melibatkan diri dalam aktiviti seumpama ini, generasi muda pelbagai etnik ini secara tidak langsung akan saling berinteraksi, bertoleransi, bersepakat dan bekerjasama antara etnik dalam menjalankan aktiviti, seterusnya dapat menggalakkan semangat kekitaan antara mereka.

## Kesimpulan

Kekuatan semangat kekitaan merupakan asas utama dalam memperkukuh kelangsungan sesebuah tamadun. Walaubagaimanapun, akibat daripada kurang kefahaman, keterbukaan dan penerimaan terhadap agama dan budaya etnik lain serta yang paling penting, kurangnya penghayatan kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang menjadi undang-undang utama negara, maka wujud isu etnik yang menggambarkan kepincangan semangat kekitaan generasi muda Malaysia kini.

Justeru, pelbagai pihak sama ada peringkat kerajaan sehingga masyarakat umum sendiri perlu sedar dan melaksanakan pelbagai mekanisme untuk memperkukuh semangat kekitaan sebagai warga Malaysia berbilang etnik. Karakteristik yang ada dalam *'asabiyyah* Ibn Khaldun amat bertepatan untuk diaplikasikan bagi menangani isu kepincangan semangat kekitaan masa kini. Semangat sayang-menyayangi, kesetiaan, kepatuhan kepada norma masyarakat dan pemimpin berjiwa rakyat, berani menegakkan kebenaran sehingga sanggup berkorban demi mempertahankan ahli kelompok serta negara dan berani menegakkan tuntutan untuk kepentingan bersama adalah ciri penting *'asabiyyah* Ibn Khaldun yang ditonjolkan dalam membina satu semangat kekitaan kebangsaan demi keutuhan sesebuah tamadun bercirikan masyarakat heterogen.

Selain itu, para penggubal dasar merupakan golongan yang perlu memiliki kekuatan semangat kekitaan yang lebih tinggi berbanding ahli masyarakat agar menjadi modal peranan kepada rakyat jelata. Selain itu, institusi pengajian tinggi perlu memainkan peranan yang selari dengan dasar pendidikan kebangsaan agar kesinambungan pemupukan semangat kebangsaan di peringkat sekolah dapat diteruskan. Malahan keprihatinan media massa untuk memaparkan filem beridentifikasikan kebangsaan adalah amat penting memandangkan pada senario dunia kini, generasi muda tidak dapat dipisahkan dengan media. Bahkan, institusi kekeluargaan merupakan agen awal dalam membentuk semangat kekitaan kepada para generasi muda bermula dari rumah lagi. Akhirnya, generasi muda itu sendiri perlu peka dan sedar peranan mereka sebagai penyambung legasi ketamadunan Malaysia berasaskan semangat kekitaan yang bercirikan ideologi kebangsaan.

Tuntasnya, untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang disegani di mata dunia, maka semangat kekitaan generasi muda perlu digilap dan diperteguhkan agar mereka tidak mudah pincang dengan arus kemodenan dan globalisasi yang membawa anasir negatif kepada kemakmuran masyarakat multi etnik Malaysia.

## Penghargaan

Penghargaan ke atas Universiti Sains Islam Malaysia dengan tajaan pembiayaan geran bertajuk 'Pengaplikasian Karakteristik Teori 'Asabiyyah Ibn Khaldun dalam Kerangka Masyarakat Multi Etnik' bernombor kod PPPI/FKP/PPT/0217/051000/11818.

## Rujukan

- A. Aziz Deraman (2012). Warisan Budaya dalam Konteks 1 Malaysia. Dalam Abdul Latiff Abu Bakar (Ed.), *Jati Diri dan Patriotisme Teras Peradaban Malaysia* (ms. 109-132). Tanjung Malim: UPSI.
- Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jones (1992). *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sohaimi Lazim & Mohd Syarifudin Abdullah (2011). Semangat Kejiranan Paksi Solidariti Impian Warga Merdeka. Himpunan kertas kerja di *Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional* (ms. 541-557).
- Alatas, Syed Farid (2013). *Makers of Islamic Civilization: Ibn Khaldun*. India: Oxford University Press.
- Alatas, Syed Farid (2014). *Applying Ibn Khaldun: The Recovery of a Lost Tradition in Sociology*. New York: Routledge.
- Al-Roubaie, Amer (2009). Ibn Khaldun's Concept of 'Asabiyyah: A Solution to Contemporary Problems in Muslim Societies. *Proceedings International Conference Ibn Khaldun's Legacy and Its Significance* (ms. 319-350). Kuala Lumpur: ISTAC, IIUM.
- Berita Harian (10 Julai 2020). Hina Agong, Perancang Bandar Didakwa. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/07/709266/hina-agong-perancang-bandar-didakwa>
- Berita Harian (13 Julai 2015). Insiden Low Yat Bukan Isu Perkauman, Tapi Perbuatan Jenayah-Najib. Diakses di <https://www.bharian.com.my/node/67803>
- Berita Harian (18 Februari 2015). Alvin, Vivian Bebas Tuduhan Cetuskan Permusuhan Agama. Diakses di <http://www.bharian.com.my/node/35735>.
- Berita Harian (2 Januari 2020). Dong Zong Serah Memorandum Tolak Belajar Jawi.
- Berita Harian (23 Februari 2018). Namewee Direman 4 hari. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/02/391957/namewee-direman-4-hari>

- Berita Harian (23 Julai 2020). Penganggur Mengaku Tak Bersalah Hina Sultan Selangor. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/07/713974/penganggur-mengaku-tak-bersalah-hina-sultan-selangor>
- Berita Harian (29 Oktober 2018). Dua Tonggak dikaji Sebelum Iktiraf UEC. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2018/10/491889/dua-tonggak-dikaji-sebelum-iktiraf-uec>
- Berita Harian (3 Julai 2020). Penganggur Didenda RM27,000, Hina Agong Guna Akaun Palsu. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/07/706988/penganggur-didenda-rm27000-hina-agong-guna-akaun-palsu>
- Berita Harian (5 Mei 2017). Padah Bunyikan Hon Ketika Solat Jumaat. Diakses di <https://www.bharian.com.my/node/279364>
- Berita Harian (8 Januari 2016). Hina Kesultanan Johor, Aduka Taruna Ditahan. Diakses di <http://www.bharian.com.my/node/112360>
- Dhaouadi, M. (1990). Ibn Khaldun: The Founding Father of Eastern Sociology. *International Sociology*, 5(3): 319–335.
- Dhaouadi, M. (1997). *New Explorations Into The Making Of Ibn Khaldun's Umran Mind*. Kuala Lumpur: A.S Noordeen.
- Enan, Mohammad Abdullah (2012). *Ibn Khaldun: Riwayat Hidup dan Karyanya*. Terjemahan Mohd Puzhi Usop & Nik Haslina Nik Ibrahim. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- <http://www.khidmatnegara.gov.my/> diakses pada 8 Mei 2016.
- Ibn Khaldun (1967), *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Terjemahan oleh Franz Rosenthal. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Ibn Khaldun (2009). *Muqaddimah*. Terjemahan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Indriaty Ismail (2015). 'Asabiyyah dan Kepentingannya. Dalam Ahmad Sunawari Long (ed.), *Falsafah Ibn Khaldun* (ms. 101-110). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- al-Khudhairi, Zainab (1979). *Filsafat Sejarah Ibn Khaldun*. Terjemahan. Bandung: Pustaka.
- Mohd Yusof Othman (2016). Bahasa Melayu dalam Pendidikan Sains dan Matematik. Dalam Abdullah Hassan & Zainal Abidin Borhan (Ed.), *Kami Bantah DLP* (ms. 45-50). Kuala Lumpur: Gapena & Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Muhsin Mahdi (1957). *Ibn Khaldun's Philosophy of History: A Study in the Philosophic Foundation of the Science of Culture*. London: George Allen and Unwin.
- Nazri Muslim, Zaharah Hassan & Abdul Latif Samian (2011). Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan: Kedudukan dan Peranannya dalam Konteks Komunikasi Perpaduan. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 29(1): 103-120.
- Nik Safiah Abdul Karim (2013, 19 September). Bahasa Kebangsaan sebagai Identiti Warga Malaysia (Temu bual).
- Rosini Jonit (2007). Pengisian Budaya dalam Filem Melayu. *Jurnal Skrin Malaysia*, 4: 137-150.
- Utusan *Online* (10 Ogos 2007). Negaraku: Meng Chee Mohon Maaf. Diakses di [http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0810&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_07.htm](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0810&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_07.htm).
- Utusan *Online* (19 Januari 2016). Jangan Biarkan Isu Perkauman “Merajai” SJKC. Diakses di <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/jangan-biarkan-isu-8232-perkauman-8216-merajai-8217-sjkc-1.181156>.
- Utusan *Online* (6 Februari 2015). Eric Paulsen Didakwa. Diakses di <http://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/eric-paulsen-didakwa-1.56512#sthash.owR9pHLI.dpuf>.

Utusan *Online* (9 Jun 2015). Tiada Bukti Parti Politik Terlibat Insiden Turunkan Salib. Diakses di <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/tiada-bukti-parti-politik-terlibat-insiden-turun-salib-1.100718>.